



SEMINAR KEPUSTAKAWANAN 2017

Kelestarian Kecemerlangan

TARIKH
25-26 Julai 2017

TEMPAT
Hotel Merdeka Palace, Kuching

ANJURAN
Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak

*years of commitment
towards excellence*

UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
1992-2017

Kata Aluan YB Dr. Hj Annuar bin Hj Rapae



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, segala Puji bagi Allah. Saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya kita diberikan kesihatan yang baik dan ruang masa untuk dapat kita bersama-sama pada hari ini, sempena Seminar Kepustakawanan 2017 yang bertemakan "Kelestarian Kecemerlangan".

Syabas saya ucapkan kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) di atas segala usaha gigih dan kejayaan menganjurkan Seminar Kepustakawanan buat kali yang ke-5. Seminar kepustakawanan ini dijadikan satu platform yang signifikan bagi para pengurus maklumat untuk mewujudkan perkongsian pintar yang sejajar dengan keperluan semasa serta menjadi titik tolak ke arah kejayaan yang lebih besar dalam dunia kepustakawanan.

Saya percaya dan penuh yakin, sesi pembentangan kertas kerja dan perbincangan yang akan berlangsung selama dua hari ini bakal mencetuskan pemikiran, anjakan paradigma, dan pendekatan baharu yang boleh membantu dalam usaha mentransformasikan perpustakaan demi kelestarian kecemerlangan. Transformasi perpustakaan bukan sahaja tentang teknologi tetapi ia adalah juga mengenai interaksi dengan pengguna, komuniti dan pihak berkepentingan.

Akhir sekali, saya sekali lagi merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik serta semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Seminar Kepustakawanan 2017 yang bakal mencorak pengurusan serta penyebaran maklumat semasa yang lebih berkualiti.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

YB Dr. Hj Annuar bin Hj Rapae
Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri
(Penyelidikan Sains dan Bioteknologi)

Kata Aluan Naib Canselor



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam UNIMASKu Sayang..

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya penganjuran Seminar Kepustakawanan 2017 kali ke-5 dapat direalisasikan. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan tahniah kepada Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) atas komitmen tinggi yang ditunjukkan selaku hos dalam penganjuran sesi keilmuan seperti ini. Ucapan selamat datang dan syabas juga ditujukan kepada institusi-institusi yang mengambil bahagian dan semua pihak yang terlibat dalam menjayakan seminar ini.

Perpustakaan sebagai salah satu daripada institusi utama yang menyediakan kepada sumber ilmu pengetahuan, mempunyai peranan penting untuk memastikan penyampaian perkhidmatan tanpa sempadan masa dan lokasi kepada semua lapisan masyarakat, bagi meningkatkan kualiti kerja dan kualiti hidup secara berterusan. Ketersediaan ilmu pengetahuan adalah penting dalam pembangunan negara. Dalam proses transformasi negara untuk menjadi masyarakat berpengetahuan secara inklusif, perkhidmatan penyampaian maklumat secara inovatif akan memberi laluan kepada sumber pengetahuan, seterusnya menggalakkan pengalaman pembelajaran sepanjang hayat kepada sesiapa sahaja pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.

Perkhidmatan perpustakaan masa kini semestinya lebih memikat hati dan mesra pengguna, cepat, serta tepat. Justeru itu, orientasi perkhidmatan perpustakaan harus berlandaskan pada keperluan pengguna, mengikuti perkembangan teknologi maklumat dan perkhidmatan yang mesra, dengan kata lain menempatkan pengguna sebagai salah satu faktor penting yang mempengaruhi dasar sesebuah perpustakaan.

Akhir kata, semoga Seminar Kepustakawanan 2017, yang bertemakan Kelestarian Kecemerlangan dapat mewujudkan perkongsian sumber yang pintar dan lestari dalam kalangan para pustakawan. Di samping itu ianya juga diharap dapat memantapkan kemahiran dan kompetensi diri para pustakawan. Sesungguhnya, UNIMAS sentiasa menyokong usaha PKMA dalam penganjuran perkongsian ilmu dan maklumat seperti ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

YBhg Prof. Dato' Dr Mohamad Kadim B. Suaidi
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sarawak

Kata Aluan Ketua Pustakawan



Salam Sejahtera dan Salam UNIMASKU Sayang

Tema Seminar Kepustakawanan 2017 : Kelestarian Kecemerlangan dipilih bagi membincang peranan para pustakawan dan penyedia maklumat supaya terus cemerlang dalam memenuhi keperluan maklumat pelanggan mereka. Semua para pustakawan samada di perpustakaan Sekolah, Awam, Khusus atau IPT harus memperluaskan ilmu pengetahuan dan kemahiran seiring dengan perkembangan teknologi masa kini. Para Pustakawan harus sentiasa peka kepada perubahan yang berlaku dalam persekitaran dunia maklumat masakini, pengaruh teknologi ke atas penjana dan penyebaran maklumat, komunikasi keserjanaan, pengwujudan serta penggunaan pelbagai gajet dan media sosial oleh generasi sekarang, proses pengajaran dan pembelajaran, tabiat pencarian maklumat pengguna yang sentiasa berubah. Maklumat diperlukan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa dan para pustakawan perlu mampu menyediakan maklumat tersebut .

Industri 4.0 atau Revolusi Perindustrian Keempat yang rancak diperkatakan masa kini juga memberi kesan kepada peranan pustakawan dalam menyokong perubahan dalam cara masyarakat bekerja dan hidup. *World Economic Forum* telah menggariskan 4C iaitu, kemahiran dalam *Critical Thinking and Problem Solving, Communication, Collaboration and Creativity* sebagai 4 elemen penting dalam semua peringkat pengajian. Ini bermakna pelajar terutama di IPT perlu keluar daripada kebiasaan. Mereka perlu mengasah dan menajamkan kemahiran dalam keempat-empat elemen tersebut untuk terus berjaya mengharungi cabaran Industri 4.0. Perkembangan Ekonomi Digital yang berteraskan pengetahuan dan ICT juga memanggil para pustakawan untuk mengambil inisiatif-inisiatif berkaitan untuk sama-sama merealisasikan matlamat kerajaan. Justeru itu para pustakawan perlu terus berpandangan jauh dan kreatif supaya terus relevan, diiktiraf dan dirujuk.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pembentang kertas kerja dan juga peserta yang menyertai seminar ini. Adalah diharapkan para peserta akan mendapat manfaat melalui pembentangan tiga belas (13) kertas kerja nanti.

Akhir kata saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua AJK Seminar Kepustakawanan 2017 di atas komitmen dan kesungguhan di dalam memastikan kejayaan seminar ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Dr. Hj. Annuar bin Hj. Rapae, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Penyelidikan Sains dan Bioteknologi) Sarawak, Pengurusan tertinggi UNIMAS, semua Ketua Pustakawan UA/IPTS/ Perpustakaan Awam, pembentang kertas kerja, UNIMAS Global, pemamir-pemamir, penaja-penaja serta pihak media yang terlibat sama di dalam menjayakan penganjuran Seminar ini.

Sekian. Terima Kasih
Puan Margaret Simeng

Pengenalan

Peranan Pustakawan dalam menyokong aktiviti pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan inovasi memberi impak kepada masyarakat dan negara.

Dalam persekitaran digital, pustakawan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran bagi memastikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan dan melangkaui jangkauan pengguna.

Objektif

- Membincangkan peranan pustakawan dan pengurus maklumat dalam melestarikan kecemerlangan dalam persekitaran digital
- Menggalakkan perkongsian sumber yang pintar dan lestari di kalangan institusi berkaitan dalam semangat keserakanan dan kesepunyaan
- Menjadi wadah bagi pustakawan dan pengurus maklumat dalam merealisasikan pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan khidmat serta sumbangan perpustakaan kepada masyarakat/komuniti.

Program 25 Julai 2017

08.00pg- 09.00pg	Pendaftaran & Ketibaan Jemputan
09.00pg- 11.00pg	Ketibaan Jemputan VIP, Ucapan Aluan, Ucapan Perasmian, Minum Pagi
11.00pg- 1.00tgh	Sesi 1 Persekitaran Digital: 1. Pengurusan Tesis dan Disertasi di Kalangan Universiti Awam Malaysia: Isu dan Cabaran untuk Mewujudkan Repositori Teks Penuh Kebangsaan <i>En. Amir Hussain Mohd Ishak (Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia)</i> 2. Riorientasi Pustakawan Indonesia di Era Globalisasi <i>En. Muhammad Tawaf (Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau)</i> 3. Impak Media Sosial dan Jaringan Sosial Terhadap Perpustakaan: Harapan dan Cabaran <i>Pn. Norlida Ismailly (Pensyarah, Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak)</i>
1.00ptg- 2.30ptg	Makan Tengahari
2.30ptg- 4.30ptg	Sesi 2 Penyelidikan dan Inovasi 1. Kecemerlangan Perpustakaan Melalui Pelaksanaan Inovatif dan Kreatif (Perkongsian Projek Berjaya Berdasarkan Pencapaian) <i>Hj Azizi Bin Jantan (Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam)</i> 2. Bridging the Academic and Research Subject Gaps: the Methodology on Enhancing Access to Engineering Collections Towards the Excellence Services in Universiti Teknologi PETRONAS <i>Pn. Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (Senior Executive, Knowledge Management Unit Information Resource Centre Universiti Teknologi Petronas)</i> 3. Increase Research Visibility: How to Get Cited in Scopus / Web of Science <i>Dr Wong Woei Fuh (Consultant, Innovative Education Services)</i>
4.30ptg	Minum Petang

Program 26 Julai 2017

9.00pg- 10.20pg	<p>Sesi 3: Pendidikan dan Latihan :</p> <p>1. Inovasi Perpustakaan Menyokong Pendidikan Fleksibel <i>Pn. Rusliza Bt. Yaacob (Ketua Pustakawan, Perpustakaan Tuanku Bainun Universiti Pendidikan Sultan Idris)</i></p> <p>2. Relevance of Library in Massive Open Online Courses (MOOCs) <i>/ Prof Madya Dr. Chen Chwen Jen (Dekan, Pusat Pembelajaran Gunaan & Multimedia, UNIMAS)</i></p>
10.20pg- 10.40pg	Tea break
10.40pg- 12.00tgh	<p>3. Program Literasi Maklumat: Pembelajaran Sepanjang Hayat kepada Pelajar Sekolah Menengah <i>Pn. Nor Asiah Mohamad (Pustakawan Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM)</i></p> <p>4. Pembelajaran Teradun: Cabaran kepada Perpustakaan Politeknik Kuching Sarawak <i>Pn. Adlin Yusnita Binti Ilyas (Ketua Kursus Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan), Politeknik Kuching Sarawak)</i></p>
12.00tgh- 12.30tgh	<p>Demo Produk - JSTOR & IJOURNET by Globe Publication Pte. Ltd <i>Ms. Normah Mustaffa (Country Representative)</i></p>
12.30tgh- 2.30ptg	Makan Tengahari <i>1 - 2 30pm</i>
2.30ptg- 4.00 ptg	<p>Sesi 4: Pengoptimuman Sumber</p> <p>1. Mengoptimumkan Sumber Bagi Penyebaran Maklumat Nuklear di Perpustakaan Agensi Nuklear Malaysia <i>En. Mohd Hafizal Yusof (Unit Perkhidmatan Maklumat, Bahagian Pengurusan Maklumat, Agensi Nuklear Malaysia)</i></p> <p>2. Library in a Box <i>Prof Madya Dr Johari Abdullah (Dekan, Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat Universiti Malaysia Sarawak)</i></p> <p>3. Mereka Bentuk Semula Perkhidmatan Perpustakaan UiTM : Anyone, Anywhere, Anytime <i>En. Jamalludin Hj. Sulaiman (Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam)</i></p>
4.00 ptg- 4.30 ptg	<p>Demo Produk - Bloomsbury's Digital Resources for the Humanities and Social Sciences <i>Ms. Jo Deakin (Head of Digital Sales Asia Pacific for Bloomsbury Digital Resources)</i></p>
4.30 ptg- 4.45 ptg	Rumusan & Ucapan Penangguhan
4.45ptg	Minum Petang & Bersurai


Penaja



SPRINGER NATURE



KENANGA PENAMA



Azam Ceria Sdn Bhd

Jawatankuasa Seminar

Pengerusi	Pn. Margaret Simeng
Timbalan Pengerusi	Pn. Korina Ibrahim
Urus Setia, Kewangan, Protokol, Publisiti dan Jamuan	Pn. Zainun Mat Nor En. Zaiden Sanyut Pn. Huzaimah Abdul Rani Pn. Hejilda Hendrick Pn. Habibah Matadi Pn Mazrina Waty Adan En. Zaidon Safiee Pn Haslina Hamdan Cik Emildawati Hamid Cik Norlia Ismail Cik Diana Ignatius
Jawatankuasa Pengisian Program & Pengurusan Majlis	En. Wan Abdul Rahman Wan Bujang Pn. Norazlina Abdul Rahman En. Mohd Khairol Hafiz Sanawi
Jawatankuasa Kertas Kerja Seminar & Pelaporan	En. MacFarlaine GJ Dibuid Pn. Sri Muniarty John Pn. Siti Raffidah Tekat Pn. Karen Kornalius En. Aziz Tuah Cik Dyg Norsheila bt Abg Mohtar
Jawatankuasa Logistik 1. Pengangkutan 2. Teknikal, Kecemasan & Keselamatan	En. Zaiden Sanyut En. Tarry Lester Ak Nagel Jidel En. Japar Kalok En. Hikam Anis En. Mohd Hazrik Berdan En. Irwandy Ann En. Romi Mohd Tuah Seman
Jawatankuasa Fotografi & Percetakan	En. Shahron Saman Pn. Surina Hj Zainuddin En. Abd Rahman Hussein En. Abg Mahatir Abg Abdillah En. Mohammad Nazri Masri



Akhirnya Berjaya!

CAIS meneruskan inisiatif mengautomasikan sistem penyampaian Pusat dengan Sistem Perpustakaan Bersepadu yang baharu iaitu KOHA setelah hampir satu tahun menjalankan proses implementasi.

Sebelum beralih ke KOHA, CAIS telah menggunakan Sistem Perpustakaan Bersepadu Millennium selama lebih sepuluh tahun. Namun, untuk menyahut seruan Universiti dalam pengoptimuman sumber melalui Fokus Strategik kelestarian kewangan universiti dari aspek kos perolehan mahupun penyelenggaraan sistem, telah mendorong CAIS dalam menjayakan inisiatif ini. Dengan mengambil kira aspek sokongan komuniti, teknologi sumber terbuka, keupayaan dalam menyesuaikan sistem untuk memenuhi keperluan tempatan dan global serta langkah pengoptimuman sumber berjaya meyakinkan CAIS untuk memilih KOHA.

"Soft launching" penggunaan sistem tersebut telah berlangsung pada 14 Julai 2017 dan warga CAIS yang diketuai oleh Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan UNIMAS telah memulakan pengaktifan sistem melalui perkhidmatan peminjaman dan pemulangan untuk Modul Sirkulasi. Penghijrahan ke KOHA telah dijalankan oleh satu Pasukan Pembangunan Sistem yang terdiri daripada Pustakawan CAIS dan Pegawai Teknologi Maklumat, CITDS. Berkat sokongan padu semua warga CAIS serta warga CITDS yang berkaitan telah membawa kepada kejayaan projek ini.

Pusat Khidmat Maklumat Akademik

www.cais.unimas.my



www.facebook.com/caisunimas



twitter.com/caisunimas



[instagram.com/caisunimas](https://www.instagram.com/caisunimas)



Channel : CAIS UNIMAS